



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

ANUGERAH LOCAL AGENDA 21 WILAYAH PERSEKUTUAN CEMERLANG 2012 MENJADI PANDUAN *BEST PRACTICES* KEPADA MASYARAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

8 Julai 2013, Kuala Lumpur – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menghadiri Majlis Anugerah Local Agenda 21 Wilayah Persekutuan (LA21WP) Cemerlang 2012. Program LA21WP merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu LA21WP pada tahun April 2009. Program LA21WP dibuat dengan kerjasama agensi-agensi di bawah KWP iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.

LA21WP ini mendapat komitmen dan sokongan dari Persatuan-Persatuan Penduduk Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, NGO's dan badan-badan korporat yang turut memberikan sumbangan kewangan, idea dan tenaga semasa program dijalankan. Pelaksanaan program ini banyak melibatkan *engagement* dan *smart partnership* termasuk MOU yang meliputi program-program kemasyarakatan serta berbentuk kerohanian. LA21WP dilaksanakan secara *smart partnership* dengan mana-mana NGO's dan pihak swasta termasuk orang perseorangan. Oleh itu, semua program yang dirancang akan dilaksanakan dan dibiayai secara bersama-sama. Hanya peruntukan asas diberikan kepada agensi bagi menggerakkan program yang dirancang.

Tujuan Majlis Anugerah LA21WP ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan dan penghormatan tertinggi negara kepada individu, agensi, persatuan penduduk, NGO, pihak swasta serta warganegara Malaysia yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang fizikal, sosial dan alam sekitar. Ianya meliputi bidang pengurusan, perniagaan, penyelidikan saintifik, akademik, penulisan dan bidang-bidang lain yang berkaitan termasuk kepada mereka yang telah memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam aktiviti LA21. Sebanyak 4 anugerah disampaikan pada hari ini berdasarkan kriteria yang telah

ditetapkan iaitu **Anugerah Program LA21WP Cemerlang 2012, Anugerah Local Champion LA21 WP Cemerlang 2012, Anugerah NGO/Badan Swasta Cemerlang 21 WP Cemerlang 2012** dan **Anugerah Perdana LA21WP Cemerlang 2012**.

Program LA21 adalah sangat penting dalam mengajak masyarakat setempat untuk bersama-sama dengan pihak Kerajaan untuk merancang dan menjaga alam sekitar supaya setiap pembangunan yang dilakukan tidak mengenepikan konsep pembangunan mampan (*sustainable development*). Laman web rasmi LA21WP turut direka khas bagi membolehkan semua peringkat masyarakat menjadi ahli LA21WP. Semua ahli adalah layak menyertai sebarang aktiviti yang dijalankan oleh pihak kementerian.

Program LA21WP ini akan diteruskan oleh pihak KWP dan agensi dengan mempelbagaikan perancangan aktiviti yang seterusnya dapat meningkatkan kualiti program LA21. Individu dan persatuan yang menerima pengiktirafan pada hari ini akan menjadi contoh dan teladan kepada kepada masyarakat. Malah, program-program yang dilaksanakan oleh pemenang anugerah pada kali ini akan menjadi panduan *best practices* bagi pihak lain serta dapat dijaya dan disebarluaskan ke serata tempat di Wilayah Persekutuan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan

8 Julai 2013
Kuala Lumpur

SENARAI PENERIMA ANUGERAH

1. ANUGERAH PROGRAM LA21WP CEMERLANG 2012 :

Bandaraya Bersih dan Indah: Program Kebersihan Bukit Bintang, Bandaraya Bersih dan Indah.

Hadiah : RM2,000.00 (cek), Plak dan Sijil Penghargaan.

2. ANUGERAH LOCAL CHAMPION LA21WP CEMERLANG 2012 :

- a) Individu daripada Persatuan Penduduk
Haji Roslan bin Haji Abu Hanif
- b) Individu daripada NGO
Hj. Shaari bin Ahmad Junid (MAEH)
- c) Individu daripada Badan Swasta
En. Simon Leong (The Federal Hotel)

Hadiah : RM2,000.00 (cek), Plak dan Sijil Penghargaan.

3. ANUGERAH NGO/BADAN SWASTA CEMERLANG LA21WP CEMERLANG 2012

Badan Swasta : YTL Land and Development
NGO : Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA)

Hadiah : RM2,000.00 (cek), Plak dan Sijil Penghargaan.

4. ANUGERAH PERDANA LA21WP CEMERLANG 2012

En. Simon Leong (The Federal Hotel)

Hadiah : RM5,000.00 (cek), Plak, Trofi Pusingan dan Sijil Penghargaan.

KRITERIA PEMILIHAN

1. ANUGERAH PROGRAM LA21WP CEMERLANG 2012

- Program yang dijalankan memberikan impak dan berkesan kepada masyarakat dan mendapat kerjasama dari pihak-pihak berkepentingan yang lain;
- Promosi dan sumbangan yang cemerlang;
- Program-program yang dijalankan dapat meningkatkan kepentingan masyarakat terutamanya dalam program ekonomi, sosial dan penjagaan alam sekitar; dan
- Program yang unggul serta boleh dijadikan '*best practise*' dan contoh kepada masyarakat dan Negara

2. ANUGERAH LOCAL CHAMPION LA21WP CEMERLANG 2012

- Persatuan yang berdaftar dengan ROS;
- Aktif dalam menjalankan program LA21 di tempat masing-masing;
- Bertanggungjawab menjalankan program-program meningkatkan kepentingan masyarakat terutamanya dalam program ekonomi, sosial dan penjagaan alam sekitar;
- Menjalankan program secara usahasama dengan agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta; dan
- Menyumbangkan tenaga dan usaha dalam meningkatkan kesedaran sosial dan '*engagement*'.

3. ANUGERAH NGO/BADAN SWASTA CEMERLANG LA21WP CEMERLANG 2012

- Aktif dalam menjalankan program LA21 di tempat masing-masing;
- Bertanggungjawab menjalankan program-program meningkatkan kepentingan masyarakat terutamanya dalam program ekonomi, sosial dan penjagaan alam sekitar;
- Menjalankan program secara usahasama dengan agensi kerajaan, serta masyarakat; dan
- Menyumbangkan tenaga dan usaha bagi sebarang program yang dijalankan dalam meningkatkan kesedaran sosial dan '*engagement*'.

4. ANUGERAH PERDANA LA21WP CEMERLANG 2012

- Calon individu yang layak dipertimbangkan adalah individu berwarganegara Malaysia;
- Aktif dalam menjalankan program LA21 di tempat masing-masing;
- Merupakan *champion* dalam setiap program yang dijalankan;
- Merupakan penggerak, *motivator*, kreatif dan inovatif dalam setiap program yang dirancang mahupun yang digerakkan;
- Menghasilkan program yang meninggalkan impak atau kesan kepada masyarakat/Negara dan mengamalkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain;
- Menjalankan program secara usahasama dengan agensi kerajaan, agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta serta masyarakat;
- Menyumbangkan tenaga dan usaha bagi sebarang program yang dijalankan dalam meningkatkan kesedaran sosial dan '*engagement*';
- Promosi dan sumbangan yang terbaik dan unggul terutama dalam bidang pengurusan, pentadbiran mahupun teknikal; dan
- Memainkan peranan signifikan untuk meningkatkan pembangunan dan kesedaran mengenai LA21 di Wilayah Persekutuan.